



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Pengurusan Latihan
Aras 3 & 6, Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-8000 8000
Faks: 603-8885 0748
Web: latihan.moh.gov.my

Ruj. Kami : (Co) dlm. KKM 510-4/7/18
Tarikh : 14 Mei 2015

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PINDAAN TATACARA PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BELAJAR TANPA HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) BAGI ANGGOTA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya, saya menarik perhatian Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berhubung perkara di atas.

2. Bermula 15 Julai 2008, kuasa meluluskan cuti belajar dan pengurusan biasiswa bagi semua pegawai dan kakitangan KKM kecuali anggota di bawah Skim Gunasama dan jawatan Kader untuk semua program latihan diperturunkan kepada Ketua Setiausaha, KKM melalui surat penurunan kuasa yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Ruj.Kami:JPA(L)S.180/27/1-42(8) bertarikh 22 Julai 2008.
3. Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) telah diberikan tanggungjawab untuk menguruskan Cuti Belajar Dengan/ Tanpa HLP bagi semua anggota Kementerian ini iaitu Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP), Cuti Belajar Separuh Gaji (CBSG) dan Cuti Belajar Tanpa Gaji (CBTG). Permohonan Cuti Belajar Tanpa HLP daripada semua anggota dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Sokongan di Kementerian ini diterima oleh BPL pada sepanjang tahun. Proses ini dilaksanakan sejajar dengan kalender akademik universiti yang menawarkan kursus/ program latihan dalam jangka masa yang berbeza-beza terutama bagi universiti dari luar negara.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO : AR 4783

4. Walaubagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia Kementerian Kesihatan Malaysia Bil 1 Tahun 2015 yang bersidang pada 19 Mac 2015 telah bersetuju agar pindaan terhadap proses kelulusan Cuti Belajar Tanpa HLP di tambahbaik bagi mengatasi kelemahan-kelemahan seperti berikut : -

- i. Memo kelulusan pihak atasan perlu di angkat berulang kali setiap kali menerima permohonan sepanjang tahun;
- ii. Perancangan dan kawalan sukar dibuat dari aspek jangkaan jumlah pegawai yang akan memohon mengikut Skim/ Bidang pada setiap tahun;
- iii. Permohonan lewat dikemukakan ke BPL kerana kelewatan surat tawaran dari universiti;
- iv. Kelemahan dalam tapisan dan kebanyakan permohonan adalah di sokong walaupun tidak memenuhi syarat;
- v. Ketua program tidak maklum tentang pegawai-pegawai kumpulan sokongan yang akan meninggalkan perkhidmatan bagi mengikuti kursus berkenaan; dan
- vi. Penyempurnaan perjanjian tidak teratur dan sistematik diperingkat Jabatan kerana proses dilaksanakan secara runcit.

5. Cadangan penambahbaikan ke atas kelemahan-kelemahan ini adalah diringkaskan seperti di Jadual 1 di **Lampiran I**.

6. Sehubungan itu, iklan tawaran bagi permohonan Cuti Belajar Tanpa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk pengajian yang akan bermula pada Januari – Disember 2016 akan dikeluarkan pada 1 Jun 2015. Bersama-sama ini disertakan Tatacara Dan Panduan Permohonan Kemudahan Cuti Belajar HLP Bagi Anggota Kementerian Kesihatan Malaysia seperti di Buku berkenaan.

7. Oleh yang demikian, sukacita memohon kerjasama Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk mengambil perhatian terhadap prosedur ini dan memaklumpkannya kepada semua pegawai dan anggota yang bercadang untuk memohon CBBP, CBSG dan CBTG di bawah seliaan masing-masing. Permohonan yang lengkap bersama

dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dihantar menerusi Ketua Jabatan masing-masing kepada :-

**Setiausaha
Bahagian Pengurusan Latihan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, No.26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
(u.p : Unit Latihan Dalam Perkhidmatan 1)**

8. Tatacara permohonan dan borang permohonan Cuti Belajar ini juga boleh didapati dengan melayari laman web rasmi Bahagian Pengurusan Latihan di alamat <http://latihan.moh.gov.my>. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh berurusan dengan pegawai yang bertanggungjawab seperti berikut :-

- i. Puan Masni Afiza Binti Mohamed
No. tel : 03-8850618
Emel : masni.afiza@moh.gov.my

- ii. Puan Ja'arah Binti Mat (Kumpulan P&P)
No. tel. : 03-8885 0686
Emel : jaarah@moh.gov.my

- iii. Encik Muhammad Azuan Bin Azmin (Kumpulan Sokongan)
No. tel. : 03-8885 0688
Emel : psuldpsatu@moh.gov.my

9. Kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NADZRI SIRON)

Bahagian Pengurusan Latihan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. :

Y.Bhg. Datuk KSU

Y.Bhg. Datuk KPK

Y.Brs. TKSU (P)

TSUB (OL)

Jadual 1 : Cadangan Penambahbaikan Permohonan Cuti Belajar Tanpa HLP

Bil	Tatacara permohonan sebelum ini	Kelemahan	Cadangan Penambahbaikan	Kesan
1.	Permohonan adalah sepanjang tahun (beruncit-runcit)	<p>i. Memo kelulusan pihak atasan perlu di angkat berulang kali setiap kali menerima permohonan sepanjang tahun;</p> <p>ii. Perancangan dan kawalan sukar dibuat dari aspek jangkaan jumlah pegawai yang akan memohon mengikut Skim/ Bidang pada setiap tahun</p>	Iklan permohonan dikeluarkan sebanyak satu (1) kali setiap tahun iaitu pada bulan Jun melalui Laman Web BPL/KKM.	<p>i. Memo kelulusan pihak atasan hanya perlu diangkat sebanyak satu (1) kali sepanjang tahun (secara pukal)</p> <p>ii. Memudahkan perancangan dan kawalan terhadap setiap jumlah permohonan mengikut Skim/ Bidang</p>
2.	Mewajibkan pemohon mengemukakan surat tawaran universiti sebagai syarat permohonan	Permohonan lewat dikemukakan ke BPL kerana kelewatan surat tawaran dari universiti	Memansuhkan syarat ini dan kelulusan diberikan berdasarkan syarat-syarat kebenaran cuti belajar yang lain. **Pegawai hanya diberikan surat tawaran cuti belajar selepas mengemukakan surat tawaran universiti ke BPL.	Mempercepatkan proses Kelulusan cuti belajar (sama seperti kaedah Kelulusan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan HLP)
3.	Tapisan permohonan di peringkat JKN/ Jabatan	Kelemahan dalam tapisan dan kebanyakan permohonan adalah di sokong walaupun tidak memenuhi syarat-syarat pemberian Kemudahan Cuti Belajar syarat-syarat pemberian Kemudahan Cuti Belajar.	i. Melaksanakan permohonan hanya satu (1) kali setahun memudahkan pemantauan diperingkat JKN/ Jabatan.	i. Memudahkan pemantauan dan kawalan dari aspek pelepasan pegawai untuk menyambung pengajian.

Bil	Tatacara permohonan sebelum ini	Kelemahan	Cadangan Penambahbaikan	Kesan
4.	Bagi pegawai Kumpulan sokongan, permohonan tidak melalui Ketua Program	Ketua program tidak maklum tentang pegawai-pegawai kumpulan sokongan yang akan meninggalkan perkhidmatan bagi mengikuti kursus berkenaan	Bagi pegawai Kumpulan Sokongan dikehendaki melalui Ketua Jabatan, JKN dan Ketua Program.	Ketua Program maklum akan jumlah permohonan diperingkat Kumpulan Sokongan.
5.	Pengurusan perjanjian dilaksanakan setiap kali kelulusan diperolehi	Penyempurnaan perjanjian tidak teratur dan sistematik diperingkat Jabatan kerana proses dilaksanakan secara runcit.	Pengurusan perjanjian dilaksanakan satu (1) kali setahun	Penyempurnaan perjanjian teratur dan boleh dipercepatkan.